

Agensi guna komputer pada 2005

BH 19 OCT 2000

SHAH ALAM, Rabu – Kerajaan negeri sedang berusaha melaksanakan sistem komputer di kalangan agensinya bagi memastikan menjelang 2005 tahap penggunaan komputer mencapai 100 peratus seiring usaha mencapai status negeri maju.

Menteri Besar, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo berkata kerajaan negeri sedang berusaha menyediakan kemudahan komputer di semua jabatan selain mengadakan latihan dan kursus untuk kakitangan bagi memastikan mereka celik komputer.

Beliau berkata, sebagai negeri termaju, Selangor harus berusaha memastikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Dr Seri Mahathir Mohamad untuk melihat penggunaan komputer sepenuhnya di kalangan agensi kerajaan, terlaksana.

Berikutan, itu, kerajaan negeri amat menggalakkan sektor swasta tampil memberikan sokongan dengan menyumbangkan bantuan komputer kepada balai raya atau jawatankuasa penduduk bagi memastikan masyarakat luar bandar menikmati kemudahan teknologi maklumat.

“Kita juga berharap lebih banyak sektor korporat menyumbangkan komputer kepada sekolah dan penduduk di luar bandar supaya dapat mendidik dan mende-

dah generasi masa depan kepada teknologi maklumat,” katanya selepas merasmikan Forum K-Ekonomi di Hotel Concorde di sini, petang semalam.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Halim Mazmim Berhad, Tan Sri Halim Mohamad dan Pengerusi Ingres Software Sdn Bhd, Kamaruddin Ahmad.

Dalam pada itu, Dr Mohamad Khir Toyo berkata, larangan pengharaman pusat permainan video yang mengadakan perjudian turut berkuatkuasa kepada kelab eksklusif di Selangor.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan bertindak tegas terhadap mana-mana kelab persendirian atau eksklusif yang mengadakan permainan video berunsur perjudian.

Katanya, selepas penguaman pengharaman premis video haram serta penguatkuasaan, banyak pihak terutama orang ramai tampil memberikan maklumat mengenai pusat berkenaan.

“Selain menerima maklumat melalui e-mail, kita menerima penghantaran faks lengkap dengan gambarajah pusat video haram itu dan apabila pihak penguatkuasa pergi memeriksa memang benar ia wujud dan ini adalah satu respon positif daripada orang ramai,” katanya.